



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

AHAD / 13 JANUARI 2019

- 1. SASAR HASIL JUALAN BUAH SEGAR RM150 JUTA**
 - BERITA HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 13 JANUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

Sasar hasil jualan buah segar RM150 juta

Kota Tinggi: Kerajaan meletak sasaran nilai jualan gerai buah-buahan segar (GBBS) di seluruh negara meningkat kepada RM150 juta tahun ini, berbanding kira-kira RM123 juta tahun lalu.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata pihaknya meletak sasaran lebih tinggi, berikutan wujudnya kesedaran dalam kalangan rakyat mengenai pemakanan sihat dan segar, terutama buah-buahan tempatan.

Tambah GBBS baharu

Bagi memenuhi sasaran itu, katanya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merancang untuk menambah 29 GBBS baharu di seluruh negara tahun ini, sebagai tambahan kepada 339 gerai sedia ada.

"Premis ini menampakkan kejayaan di seluruh negara, maka tiada masalah kita capai sasaran," katanya selepas melawat Desaru Fruit Farm Agro Tourism di sini, semalam.

Mengulas rungutan persatuan nelayan berhubung pasaran ikan tidak mendapat permintaan tinggi, Salahuddin berkata, ia hanya membabitkan ikan bersaiz kecil sehingga ada cadangan untuk dieksport.

Katanya, kementerian maklum mengenai aduan itu dan akan mencari jalan penyelesaian jangka pendek, bagi mengatasi isu berkenaan.

"Ia membabitkan ikan bersaiz kecil, memang ada permintaan nelayan untuk eksport jenis ikan ini, tetapi yang bersaiz sedang serta besar kita yakin mendapat sambutan.

"Itu sebabnya kita menyekat eksport menjelang beberapa perayaan tahun ini. Ini berjalan baik, permintaan itu ada, mereka (nelayan) minta untuk eksport, mungkin tujuan baja atau sebagainya," katanya.

Salahuddin berkata, sehingga kini, bekalan hasil laut mampu menampung permintaan semasa rakyat.

"Cuma nelayan mendakwa ikan kecil tidak mendapat sambutan. Penyelesaian jangka pendek bergantung kepada penguatkuasaan pukat yang menangkap ikan, sekiranya berjaya kita kawal tidak akan ada ikan kecil didaratkan, kita akan tingkatkan penguatkuasaan kita," katanya.

Terdahulu, jawatankuasa khas peringkat kementerian akan menyiasat rungutan persatuan nelayan, berhubung larangan eksport bagi enam jenis ikan bermula 1 Januari lalu.

Khamis lalu, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Padzil, berkata menerima aduan daripada beberapa persatuan nelayan supaya membenarkan eksport bagi empat jenis ikan, yang tidak mendapat permintaan tinggi pada pasaran tempatan.